



Ruj: UKM KPD/262  
Tarikh: 26 Mac 2018

Semua Pelajar Prasiswazah  
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat  
Pusat Kembangan Pendidikan  
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

### PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 3 SESI SESI AKADEMIK 2017-2018

Merujuk kepada perkara di atas, adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan Semester 3 Sesi Akademik 2017-2018 akan **bermula pada 25 Jun 2018**.

Sehubungan dengan itu, disenaraikan perkara penting untuk perhatian dan tindakan pelajar seperti berikut:

BIL	PERKARA
1.	Pendaftaran kursus awal akan bermula <b>9 hingga 15 April 2018 (seminggu)</b> secara atas talian melalui laman web <a href="http://www.ukm.my/smpe">http://www.ukm.my/smpe</a> . Sila rujuk tarikh-tarikh penting di web PKP sebagai panduan.
2.	Sila rujuk penawaran kursus yang ditawarkan oleh fakulti di laman web <a href="http://www.ukm.my/pkp">http://www.ukm.my/pkp</a> . Sila klik pada menu pendaftaran awal untuk mendaftar kursus.
3.	Pelajar yang berada dalam kategori Lulus Bersyarat (ALB) pada Semester 1 Sesi Akademik 2017-2018 tidak dibenarkan mendaftar pada Semester 3 ini.
4.	Syarat-syarat pendaftaran Semester 3 adalah seperti berikut:  i. Pendaftaran untuk Semester 3 Sesi Akademik 2017-2018 adalah <b>DIWAJIBKAN</b> oleh pihak fakulti;

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia  
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: [pghkmbgn@ukm.edu.my](mailto:pghkmbgn@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>

	<p>ii. Pelajar dibenarkan mengambil <b>TIDAK MELEBIHI DUA (2)</b> kursus sahaja, walau bagaimanapun ia tertakluk kepada fakulti;</p> <p>iii. Pelajar hanya boleh gugur kursus semasa minggu pendaftaran kursus sahaja <b>(2-8 Julai 2018)</b>;</p> <p>iv. Tarik diri kursus boleh dilakukan sehingga minggu ke-5 perkuliahan iaitu dari <b>9 -29 Julai 2018</b> dan akan diberikan gred TD;</p> <p>v. Gred-gred yang diperolehi bagi kursus Semester 3 akan diambilkira dalam Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) pada semester berikutnya (Semester 1 Sesi Akademik 2018-2019);</p> <p>vi. Tempoh pengajian Semester 3 tidak diambilkira bagi menentukan tempoh maksimum yang dibenarkan untuk keperluan ijazah;</p>
--	--

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi En Mohd Firdaus Ibrahim di talian 03-8921 3994 atau emel kepada [mfirdaus@ukm.edu.my](mailto:mfirdaus@ukm.edu.my).

Sekian, harap maklum.

Yang benar,



**PROF DR NORHAMIDI MUHAMAD**

Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program, PKP
  - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
  - Ketua Bahagian Kewangan, PKP



**PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN**

**TARIKH-TARIKH PENTING SEMESTER 3 SESI AKADEMIK 2017-2018  
PROGRAM PRASISWAZAH  
FAKULTI TEKNOLOGI DAN SAINS MAKLUMAT**

<b>Perkara</b>	<b>Tarikh</b>
<b>Pendaftaran Kursus Awal</b>	<b>9 hingga 15 April 2018 (1 minggu)</b>
<b>Gugur kursus sahaja</b>	<b>2 hingga 8 Julai 2018 (1 minggu)</b>
<b>Tarik Diri kursus (TD)</b>	<b>9 hingga 29 Julai 2018 (3 minggu)</b>

Bagi tujuan pendaftaran / gugur / tarik diri kursus di atas, sila lakukan melalui SMPE di <http://www.ukm.my/smpe>. Permohonan selepas tarikh di atas **tidak akan dipertimbangkan**.